

# Dr M: Jangan bergantung kepada kerajaan saja

BH 27 MAR 1985

PETALING JAYA, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan syarikat-syarikat Bumiputera yang mendapat tender-tender kerajaan, bahawa mereka tidak boleh terus bergantung kepada tawaran seperti itu bagi menjamin kegiatan masa depan mereka.

Syarikat-syarikat Bumiputera, katanya mestilah meningkatkan keupayaan supaya mendapat keyakinan daripada pihak-pihak lain, dalam dan luar negeri.

Beliau juga mengesyorkan supaya syarikat-syarikat Bumiputera yang mendapat kontrak kerajaan memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain melalui kontrak kecil.

Katanya kerajaan tidak mahu melihat terlalu banyak syarikat ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan yang sama, kerana ini akan menyempitkan pasaran.

"Usaha begini membolehkan syarikat itu menjadi lebih besar dan mendapat pelanggan yang lebih banyak, di samping memindahkan pengetahuan mereka kepada syarikat-syarikat kecil," katanya.

## Keupayaan

Berucap merasmikan Syarikat Telekomunikasi milik Bumiputera, Rimman International Sdn Bhd di sini hari ini, beliau berkata, kejayaan sesebuah

syarikat Bumiputera tidak bergantung kepada taraf Bumiputeranya, tetapi keupayaannya menjalankan kerja-kerja yang diberi.

Menyentuh mengenai sistem telekomunikasi, beliau menegaskan, perhubungan yang baik penting bagi sesebuah negara, kerana sistem telekomunikasi yang lembap akan menghalang pembangunan, perdagangan dan perniagaan.

"Kerajaan sendiri sedang merancang satu sistem telekomunikasi yang lengkap dan menelan belanja berjuta ringgit bagi menjamin pembangunan negara berjalan lancar," katanya.

Menurut beliau, kerajaan mahu semua kegiatan pembangunan berjalan cepat, dan ini menyebabkan agensi-agensi kerajaan menggunakan pelbagai kaedah termasuk sistem siaguna (turnkey).

"Bagaimanapun, sistem ini juga menghadapi masalah kerana terlalu besar dan pihak-pihak tertentu terpaksa membahagikannya kepada beberapa bahaian "uarnya.

## Jangan harap kerajaan

Datuk Sri Dr. Mahathir yang mengalu-alukan langkah syarikat tersebut menggunakan komputer dalam kerja-kerja pemetaan dan gambar rajahnya juga berharap syarikat itu dapat berkongsi kepakaran yang ada padanya dengan syarikat-syarikat lain.

"Tidak perlu syarikat-syarikat lain menceburi bidang yang sama kerana perbuatan itu hanya mewujudkan

kan persaingan yang tidak sihat dan akan menimbulkan masalah kegagalan menggunakan sepenuhnya kepakaran dan teknologi yang sedia ada," katanya.

Menurutnya, adalah lebih baik syarikat-syarikat berkenaan berkongsi atau membuat usahasama dengan syarikat yang sedia mahir dalam sesuatu bidang itu.

Di samping itu beliau juga berharap syarikat-syarikat swasta dapat menghindarkan perbuatan "mencuri kakitangan" syarikat lain, lebih-lebih lagi kakitangan kerajaan kerana ia akan hanya menyusahkan pihak-pihak yang terlibat.